

Penangkapan ikan laut dalam **USAHASAMA TAK JEJAS NELAYAN PANTAI - PM**

TUMPAT 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa usahasama penangkapan ikan laut dalam dengan Thailand yang baru dilancarkan tidak akan mencerobohi kawasan nelayan pantai dan tidak menjejaskan pendapatan nelayan negeri ini.

Ini, tegasnya, kerana usahasama itu beroperasi menangkap ikan tongkol di kawasan laut dalam untuk dieksport dan mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan perairan pantai.

"Lagipun ikan - ikan tongkol hanya didapati di kawasan laut dalam dan tidak dapat di kawasan perairan pantai dan nelayan - nelayan tidaklah perlu bimbang," ujarnya.

Berucap di Kampung Nelayan Genting di sini sempena lawatan dua hari ke negeri ini hari ini beliau menyatakan, bot - bot rondaan polis marinakan terus menjalankan rondaan bagi memastikan bot - bot usahasama itu tidak memasuki kawasan perairan pantai.

"Jika ada dapati bot - bot itu memasuki kawasan perairan pantai tindakan akan diambil," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa bot Thailand yang didapati mencerobohi nelayan - nelayan di perairan pantai di negara ini juga akan diambil tindakan tegas.

Kita akan mengambil tindakan ke atas mana - mana bot nelayan Thailand yang mencerobohi nelayan kita," tegasnya lagi dengan mendapat tepukan bergemuruh daripada ribuan nelayan yang hadir.

Bagaimanapun Perdana Menteri menyeru kaum nelayan supaya mengubah cara menangkap ikan sekarang dengan menerokai penangkapan ikan di laut dalam secara lebih moden.

"Dengan perubahan ini akan menambahkan pendapatan nelayan di negara kita dan seimbang dengan pembangunan zaitan ini," tegasnya.

Beliau berkata, oleh kerana untuk menunggukan masa perubahan nelayan - nelayan di negara ini agak lama, lalu usahasama penangkapan ikan di laut dalam dengan Thailand itu dilakukan.

Di samping itu tambahnya, kerajaan juga mempunyai rancangan melatih generasi - generasi muda menangkap ikan di laut dalam dengan menggunakan bot yang besar 1,000 tan.

"Bot ini mempunyai cukup alat - alat kelengkapan moden serta berhawa dingin yang tentunya menyelesaikan," ujarnya.

Beliau berharap rancangan ini akan mendapat sambutan seluruh kaum nelayan di negara ini dan juga anak - anak muda.

Rancangan latihan

Beliau menyedari bahawa kaum nelayan sukar untuk memiliki bot yang besar sebab itulah kerajaan mengadakan rancangan latihan ini kerana ia dikira boleh mencapai keuntungan.

Beliau kemudian meluluskan peruntukan sebanyak \$1 juta khas untuk membangunkan Kampung Genting yang dianggap masih ketinggalan.

Katanya, dengan peruntukan itu dapatlah digunakan untuk rancangan - rancangan rumah murah, jeti dan membina tempat memproses ikan kering.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga meminta penduduk di kampung nelayan itu menjaga kebersihan kerana keadaan yang ada sekarang kurang memuaskan.

Sementara itu ketika berucap di Kampung Nelayan Dalam Ru yang terletak tidak jauh dari Kampung Genting, Perdana Menteri menyeru kaum nelayan supaya melibatkan diri dalam kerja - kerja sampingan untuk menambahkan pendapatan.

Kerja - kerja sampingan itu katanya, seperti membuka perusahaan memproses ais batu, berniaga dan sebagainya yang difikir menguntungkan.

Beliau berkata, nelayan - nelayan di kampung itu akan dapat memiliki rumah sendiri yang lebih baik apabila projek rumah murah dibina di kampung itu tidak lama lagi.